



Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : JANM.TAW.700-1/2 JLD.10 ( 1 )  
Tarikh : 19 Disember 2023

**Ketua Jabatan**  
**Pusat Tanggungjawab (PTJ)**  
**Daerah Tawau, Kunak, Semporna dan Lahad Datu**

Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI PANJAR WANG RUNCIT (PWR) BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat rujukan JANM.BPOPA.600-2/2/3 Jld.3 (10 ) bertarikh 22 September 2023 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Sijil Pengesahan Baki Panjar Wang Runcit (PWR) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 hendaklah disediakan oleh semua Pemegang Panjar. Semua Pemegang Panjar Wang Runcit di bawah seliaan JANM Cawangan Tawau hendaklah mengambil perhatian ke atas perkara seperti berikut:

- (a) Menjana Laporan Sijil Pengesahan Baki Panjar Wang Runcit berakhir 31 Disember 2023 melalui portal iGFMS. **(Modul : Panjar – Laporan – Sijil Perakuan Panjar).**
- (b) Memastikan Sijil Pengesahan Baki Panjar Wang Runcit yang dijana telah lengkap ditandatangani oleh Penyedia dan Ketua Jabatan berserta cop Jabatan.
- (c) Sijil Pengesahan Baki Panjar Wang Runcit hendaklah dikemukakan kepada JANM Cawangan Tawau dalam keadaan lengkap dan sempurna selewat-lewatnya pada **5 Januari 2024 (JUMAAT)**. PTJ hendaklah menghantar **4 set lampiran ASAL** berserta surat iringan.

3. Sebarang pertanyaan berkaitan penyediaan Sijil Pengesahan Baki Panjar Wang Runcit boleh berhubung terus dengan Unit Akaun di talian 089 – 775620. Perhatian dan kerjasama tuan/puan untuk mematuhi panduan yang ditetapkan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JANM.TAW.700-1/2 JLD.10 ( 1 )

Tarikh : 19 Disember 2023

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”***

Saya yang menjalankan amanah,

**(NIZAM BIN LIMUN C.A.(M), ACMA, CGMA)**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Cawangan Tawau